

**Projek Lencongan Air Beri Faedah Kepada Tanaman Padi  
Bernama  
27 Disember, 2011**

KANGAR, 27 Dis (Bernama) - Projek lencongan saluran sepanjang 20 km menghubungkan Empangan Timah Tasoh di Beseri dengan Kampung Wai, Kuala Perlis, bukan sahaja dapat menjadi tebatan banjir tetapi berguna kepada lebih 7,300 hektar kawasan tanaman padi di situ.

Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen Kangar, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad berkata, saluran baru tersebut bukan sahaja dapat menyalurkan limpahan air segera ke laut dari empangan, juga boleh dimanfaatkan untuk tujuan pertanian.

Ia meliputi kawasan tanaman padi yang terletak di bawah pengawasan pertubuhan peladang kawasan (PPK) Beseri dan Bintong, katanya semasa berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat anjuran PPK Bintong di sini Selasa.

Mohd Radzi berharap hampir 3,000 petani di bawah PPK Bintong dan PPK Beseri dapat mengusahakan tanaman padi dua kali setahun menggunakan air daripada saluran tersebut yang selama ini mereka mengerjakan sawah mengharapkan air hujan semata-mata.

Beliau berkata, projek itu akan mula dibina tahun hadapan yang boleh juga dijadikan lokasi kegiatan sukan air sebagai produk pelancongan.

Mohd Radzi yang juga anggota Parlimen Kangar berharap para petani terutama pesawah dapat menjalankan kegiatan tanaman padi secara komersil setelah memperoleh kemudahan air daripada projek berharga lebih RM200 juta itu.

Di majlis itu, PPK Bintong dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) mengeluarkan zakat perniagaan RM25,000 kepada 100 penerima terdiri anggota PPK selain menyampaikan beras sumbangan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Beliau turut menyampaikan sumbangan 3,000 pokok mempelam harumanis sumbangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) kepada 350 anggota PPK untuk ditanam di kawasan lapang rumah mereka.

Pengarah LPP Perlis, Shaidan Nordin berkata pihaknya akan menyalurkan peruntukan RM100,000 kepada PPK Bintong tahun depan bagi mewujudkan tapak semaian anak mempelam harumanis.

"Kerajaan negeri mensasarkan 31,000 pokok mempelam berkenaan dapat ditanam setiap tahun hingga tahun 2015," katanya.

Pengerusi Lembaga Pengarah PPK Bintong, Abu Samah Puteh pula berkata, PPK Bintong merancang membina sebuah kompleks peladang barharga RM3 juta untuk memudahkan ahli pertubuhan menjalankan pelbagai aktiviti.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636695>